

04 APR 1997

Kelantan-Petrokimia

SUNTIKAN KEPADA EKONOMI KELANTAN

KOTA BAHARU, 4 April (Bernama) -- Ekonomi Kelantan yang lembab mendapat satu suntikan rangsangan hari ini dengan termeterainya perjanjian untuk membangunkan kompleks petrokimia yang dianggap projek perindustrian terbesar di negeri ini.

Kompleks petrokimia itu merupakan usaha sama antara KUB Malaysia Berhad, syarikat yang akan disenaraikan tidak lama lagi, dan Keloil Sdn Bhd, syarikat milik negeri. Ia akan dibina di kawasan seluas 2,000 hektar di Pantai Senok, Bachok, 10 km dari sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Besar Kelantan Datuk Haji Nik Aziz Nik Mat hadir pada majlis menandatangani perjanjian itu antara pengerusi KUB Datuk Hassan Harun dan pengerusi Keloil Abdul Halim Abdul Rahman yang juga Timbalan Menteri Besar Kelantan.

Keloil merupakan anak syarikat milik penuh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Kelantan.

Projek itu dianggarkan oleh kerajaan negeri menelan belanja RM2 bilion.

Mengikut perjanjian itu, kedua-dua pihak akan memulakan kajian kesesuaian untuk menentukan anggaran kos dan keperluan modal awal projek berkenaan.

Sebuah syarikat usaha sama akan ditubuhkan untuk membangunkan kawasan projek itu dan infrastruktur dalam kompleks berkenaan yang dijadual disiapkan menjelang tahun 2003.

Dikenali sebagai Pantai Senok Integrated Petrochemical Complex, projek itu akan memudahkan penggunaan, pemprosesan, pengedaran dan pembangunan sumber-sumber serta produk petroleum.

Ia akan menggunakan gas dari kawasan Lembaga Pembangunan Bersama (JDA) yang meliputi sempadan Kelantan dan Thailand.

Kompleks itu dijangka menjadi pusat kegiatan hiliran industri minyak dan gas di Kelantan.

Majlis itu berlangsung di kilang tekstil KUB yang sebelum itu dirasmikan oleh Dr Mahathir. Kilang di kawasan perindustrian Pengakalan Chepa itu memulakan operasi pada Ogos tahun lepas dan telah mengeluarkan pakaian seragam sekolah berjenama "Canggih" selain pakaian sukan dan untuk kanak-kanak.

Menurut kenyataan KUB, kilang itu yang turut mengeluarkan pakaian sukan untuk dieksport dengan kontrak menggunakan jenama antarabangsa seperti Adidas dan Umbro, dijangka mencapai jualan RM23 juta tahun ini. -- BERNAMA

AU RON MAI